

SULIT

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN ANUAR BIN ABD. MANAP
[SEKIJANG - BN]**

TARIKH : 17 MEI 2016 (SELASA)

SOALAN (NO. 34)

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan objektif serta kos keseluruhan penganjuran program Siri Berbasikal Remaja Malaysia (JCM) dan bagaimanakah penganjurannya mampu melahirkan lebih ramai bakat baru sukan berbasikal negara.

SULIT

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Siri Berbasikal Remaja Malaysia atau Junior Cycling Malaysia (JCM) adalah merupakan salah satu Program 6 Sukan Pilihan yang bertujuan untuk mencungkil bakat remaja yang berpotensi dalam acara lebuhraya dan trek secara lebih terbuka untuk diserapkan ke program pembangunan Majlis Sukan Negara (MSN) di peringkat Pelapis Negeri, Pelapis Serantau, Pelapis Kebangsaan dan seterusnya Senior Kebangsaan serta menyemarakkan lagi industri sukan berbasikal di Malaysia.
2. Kementerian telah memperuntukan sebanyak RM2 juta bagi tahun 2016 untuk menganjurkan sebanyak 14 sirkit di seluruh negara yang melibatkan 4 acara iaitu Kriterium, Basikal Bukit, BMX dan Strider. Setiap acara tersebut akan mempertandingkan secara terbuka sebanyak 6 kategori bawah umur lelaki dan wanita serta 4 kategori dewasa lelaki dan wanita. Melalui sistem pencarian bakat yang lebih terbuka, penganjuran sirkit secara profesional, konsisten dan kompetitif serta program pembangunan berbasikal yang berstruktur, kita mampu melahirkan lebih ramai bakat baru sukan berbasikal negara seperti Azizulhasni Awang dan Fatehah Mustapha.

Sekian, terima kasih.